

Dr Mahathir dedah surat Musa Hitam
Free Malaysia Today
Okt 24, 2016

Punca Musa letak jawatan pada 1986

PETALING JAYA: Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad malam tadi memuatnaik 2 surat yang menyangkal cerita Tun Musa Husam berhubung sebab sebenar peletakan jawatannya.

Musa, yang merupakan bekas timbalan perdana menteri dari 1981 hingga 1986, dalam bukunya *Frankly Speaking (Terus Terang Saya Katakan)* berkata peletakan jawatannya tiada kena-mengena dengan Ahli Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

“Saya setuju peletakan jawatan Musa tidak ada kena mengenai dengan Tengku Razaleigh,” kata Dr Mahathir dalam blognya. Beliau juga secara sinis “bersetuju” dengan Musa yang dirinya seorang diktator.

“Bagi membuktikannya saya lampirkan 2 surat yang ditulis Musa kepada saya mengenai sokongannya kepada pelantikan Tengku Razaleigh ke jawatan Menteri Perdagangan dan Industri.”

“Saya tidak boleh lagi penuhi permintaannya untuk berahsia kerana beliau sekarang ini mahu berterus terang.”

Salah satu surat itu, bertarikh 5 Julai 1984, mempunyai tanda PERIBADI dan RAHSIA PENTING. Dr Mahathir mencadangkan yang Musa sebenarnya membantah pelantikan Razaleigh atas sebab integriti politik.

Dr Mahathir turut menunjukkan yang Musa sendiri mahu menilai semula kedudukannya dalam kerajaan sekiranya pelantikan Razaleigh diteruskan.

Razaleigh dilantik ke portfolio itu pada 1984.

Dr Mahathir, melalui surat kedua yang bertulis tangan dan bertarikh 31 Julai 1984, menunjukkan yang Musa sendiri bercadang untuk bersara daripada jawatan timbalan perdana menteri mulai 1 Ogos 1985.

Musa secara rasmi meletak jawatan pada 1986.

“Sayang sekali, sekiranya saya tewas di tangan Tengku Razaleigh, kita boleh saksikan betapa baik hubungan antara Tengku Razaleigh dan Musa dalam kerajaan,” kata Dr Mahathir.

Berkenaan tuduhan diktator yang dilemparkan terhadapnya, Dr Mahathir berkata hakikatnya beliau meletak jawatan secara sukarela, berbeza dengan nasib Adolf Hitler (Jerman), Benito Mussolini (Itali) dan Joseph Stalin (Rusia).

“Agak misteri bagaimana saya boleh terpilih 5 kali. Sekarang kita tahu seorang perdana menteri yang terpilih juga boleh menjadi seorang diktator.”

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/24/dr-mahathir-dedah-surat-musa-hitam/>